



Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

INTEGRITI SEPAKAT

MARITIM BERDAULAT



Sempena ulangtahun ke-11 APMM saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada warga Malaysia dan maritim antarabangsa serta semua agensi keselamatan dalam negara yang telah membantu dan bekerjasama dengan APMM dalam melaksanakan tanggungjawab memastikan perairan negara sentiasa selamat. Bagi anggota APMM dan anggota keluarga APMM saya mengucapkan jutaan terima kasih dan mendoakan kesejahteraan semua agar segala pengorbanan mendapat ganjaran daripada Allah SWT. Kepada rakyat Malaysia, Maritim Malaysia sentiasa bersedia untuk menghadapi apa juga cabaran bagi memastikan keselamatan perairan negara terjamin.

**YBhg Laksamana Maritim Dato' Haji Ahmad
Puzi Bin Haji Ab Kahar
Ketua Pengarah APMM**



APMM TEKAD PACU KECEMERLANGAN JADI AGENSI MARITIM TERBAIK DUNIA

Oleh Jenny Imanina Lanong Abdullah

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam memelihara keselamatan, keamanan dan kedaulatan di perairan negara, tahun 2016 merupakan tahun yang begitu signifikan bagi Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) untuk terus merencana pelbagai pendekatan dan langkah bagi memastikan hasrat mereka untuk menjadi agensi terbaik dunia tercapai.

Pada tahun ini, APMM mahu terus fokus dan serius dalam melaksanakan serta mengalas tanggungjawab mereka bagi memastikan keselamatan perairan negara sentiasa terjaga dan aktiviti ekonomi rakyat dan negara terus terjamin.

Mengimbu pencapaian APMM selama 10 tahun yang lepas, Ketua Pengarah APMM Laksamana Maritim Dato' Ahmad Puzi Ab Kahar berkata langkah penubuhan APMM oleh kerajaan merupakan langkah yang sangat tepat.

Walaupun 'junior' berbanding agensi keselamatan yang lain, APMM kini katanya telah melakar banyak kejayaan yang membanggakan, sekali gus mendapat pengiktirafan sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Kejayaan terbesar APMM adalah memastikan kawasan perairan negara selamat untuk aktiviti ekonomi dan perkapalan. Selepas APMM mula beroperasi, kejadian pelanunan dan rompakan di Selat Melaka dapat dikurangkan dari tahun ke tahun sehinggalah berjaya menjadi sifar mulai tahun 2009," katanya dalam temubual eksklusif bersama Bernama sempena ulangtahun Ke-11 penubuhan APMM.

INDEKS JENAYAH BERJAYA DIKURANGKAN

Ahmad Puzi berkata sebelum penubuhan APMM, pada tahun 2004 kawasan Selat Melaka pernah diumumkan sebagai

kawasan berisiko perang oleh Lloyd's Market Association kerana jumlah kejadian pelanunan dan rompakan yang berlaku telah mencapai 38 kes.

Lantaran itu, Lloyd's telah menaikkan premium insurans yang tinggi kepada kapal-kapal dagang yang melalui selat tersebut dan situasi ini telah memberi persepsi negatif terhadap pengurusan keselamatan di perairan Malaysia.

Namun hasil usaha berterusan APMM dengan kerjasama agensi keselamatan yang lain, masalah kegiatan pelanunan dan rompakan di Selat Melaka berjaya ditangani dengan cepat.

"Hasil daripada kawalan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang menerusi pelbagai inisiatif dan pendekatan beberapa jenayah rompakan di laut khususnya jumlah kes yang berlaku di perairan Selat Melaka pada tahun 2015 dan tahun-tahun sebelumnya adalah jauh lebih rendah berbanding kejadian yang berlaku pada tahun 2004," katanya.

Ahmad Puzi menjelaskan rekod pengurangan jenayah maritim menunjukkan kadar itu telah berjaya dikurangkan di bawah paras tiga peratus pada tahun 2013 hingga sekarang.

Menurutnya, dua kejadian rompakan yang berlaku pada 2011 dan 2014 dan satu kejadian pada 2015 merupakan kejadian yang amat kecil peratusnya jika dibandingkan dengan aliran trafik perkapalan yang melebihi 77,000 buah kapal setahun yang melalui Selat Melaka.

PENDEKATAN BERSEPADU DAN PANTAS

Bagi mencapai sasaran sebagai sebuah agensi penguatkuasa maritim terbaik dunia, Ahmad Puzi menjelaskan bahawa APMM telah menggariskan beberapa pendekatan yang berorientasikan tindakan bersepadu dan pantas.

Langkah dan pendekatan tersebut menurut beliau juga mengambil kira keadaan semasa iaitu ancaman penularan kegiatan kumpulan Negara Islam (IS).

"Selain meningkatkan keupayaan sistem penguatkuasaan dan kawalan keselamatan, APMM juga akan memberi tumpuan kepada semua kawasan perairan di bawah tanggungjawab pihak kami dengan menjejaki dan membuat pemeriksaan terhadap pergerakan kapal-kapal atau bot-bot yang mencurigakan tanpa mengira kawasan dan masa," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut, beliau berkata APMM telah membuat perolehan aset-aset laut, udara, radar dan modal insan seperti yang digariskan dalam Perancangan Pembangunan Strategik Maritim 2040 bagi membantu meningkatkan keupayaan sistem penguatkuasaan.

"Enam buah kapal peronda sedang dalam pembinaan dan APMM dijangka menerima aset tersebut mulai tahun depan. Selain itu, APMM akan menambah dua lagi radar di Pulau Jarak dan Pulau Perak dalam perairan Perak untuk memantau Selat Melaka serta Batuan Tengah," kata Ahmad Puzi.

Menurut beliau, kerajaan juga baru-baru ini meluluskan peruntukan untuk membeli dua buah kapal Peronda Luar Pantai (OPV) yang akan memberi kelebihan kepada penguatkuasaan di lautan lepas dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) sehingga mencapai 200 batu nautika.

Sementara itu, APMM juga mengambil pendekatan dengan memperagakan aset-aset menerusi rondaan dan pemantauan di kawasan panas untuk menyekat perlakuan jenayah di samping mempercepatkan respons apabila menerima laporan.

Selain meletakkan sasaran setiap aduan ditangani dengan cepat serta pantas melalui Bilik Operasi yang beroperasi 24 jam, APMM juga telah menempatkan pegawai penguatkuasa di Bilik Gerakan Jabatan Perikanan untuk memantau pergerakan bot-bot tempatan yang menjual hasil laut kepada pihak asing.

“Ini adalah salah satu usaha untuk membanteras dan menyekat perlakuan yang boleh mengurangkan hasil ikan negara yang akhirnya kerajaan terpaksa mengimport dan rakyat membeli dengan harga lebih mahal,” katanya.

BENTUK KERJASAMA STRATEGIK

Ahmad Puzi berkata APMM juga mengenal pasti akan pentingnya kerjasama daripada pelbagai agensi dalam dan luar negara bagi melaksanakan dan memantapkan tugas dengan cekap dan berkesan.

Justeru, APMM menjalin kerjasama strategik dengan dengan agensi-agensi keselamatan maritim dari luar negara seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei, Filipina, Vietnam, Jepun, Australia, Kanada dan Amerika Syarikat.

Kerjasama yang terjalin menurut Ahmad Puzi dilakukan melalui pelbagai platform seperti perbincangan dua hala, perkongsian maklumat risikan, perkongsian dan pertukaran kepakaran penguatkuasaan, seminar, latihan dan operasi bersepadu.

“APMM juga merupakan ahli Coast Guard Asia Pasifik yang telah memberi banyak manfaat dari sudut kerjasama dan perkongsian antarabangsa,” katanya.

Beliau juga berkata APMM sentiasa menjaga hubungan baik dan berkerjasama dengan agensi tempatan seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan dan agensi-agensi kerajaan yang lain menerusi pelbagai bentuk latihan, perkongsian maklumat dan operasi bersepadu di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Manakala menerusi Program Sahabat Maritim yang telah dilancarkan sejak tahun 2007, APMM bekerjasama dengan persatuan nelayan, persatuan perkapalan dan syarikat-syarikat swasta.

“APMM telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan agensi maritim dari Australia, Amerika Syarikat dan syarikat-syarikat tempatan seperti Petronas, Shell, Murphy, UMW, Telekom Malaysia dan Bank simpanan Nasional bagi membanteras jenayah secara menyeluruh melalui pelbagai bentuk aktiviti dan inisiatif seperti kempen kesedaran keselamatan, aktiviti tanggungjawab sosial korporat dan pameran,” kata Ahmad Puzi.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Sementara itu, menjelaskan lebih lanjut mengenai kejayaan dan pencapaian APMM sepanjang 11 tahun sebagai agensi yang bertindak dan bertanggungjawab menjaga keselamatan, keamanan dan kedaulatan perairan negara, Ahmad Puzi berkata APMM telah mencapai beberapa kejayaan besar dalam membanteras kegiatan lanun atau rompakan di laut terutama laluan Selat Melaka.

“Sebagai contoh pada 2015, APMM telah menyelamatkan minyak yang dibawa oleh MT Orkim Harmony daripada dirompak. Kini perompak kapal tersebut dalam proses ekstradisi dari Vietnam ke negara ini,” katanya.

Manakala bagi kes MT Jaoquim (Ogos 2015), APMM telah berjaya menangkap perompak-perompak yang terlibat.

Mengikut statistik APMM untuk tempoh 2006 sehingga 2015, lebih 816 bot nelayan dan 6,734 kru nelayan asing telah ditahan. Sebanyak 840 bot

nelayan asing telah dilucut hak dan digunakan semula sebagai tukun tiruan serta diberikan kepada agensi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) untuk operasi banjir.

Menurut beliau kebanyakan tukun tiruan ditenggelamkan di kawasan pantai timur dan tukun tersebut berupaya membantu membiakkan ikan yang banyak serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi nelayan.

Sepanjang tempoh yang sama, APMM berjaya mengutip hasil melebihi RM288 juta melalui lelongan, denda, kompaun dan pelupusan bot. Selain itu, APMM juga berjaya menyelamatkan lebih 4000 nyawa dan kira-kira RM500 juta nilai harta benda melalui Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR).

Di peringkat antarabangsa, Ahmad Puzi berkata APMM mendapat pujian dan pengiktirafan berikutan kejayaan dan kecekapan itu yang telah mengharumkan nama negara.

Pengiktirafan itu menerusi anugerah Emas dari Business Initiative Directions, New York pada 2012 dan Anugerah Agensi Keselamatan Maritim 2009 daripada ‘Frost and Sullivan’.

Ahmad Puzi berkata menjelang ulangtahun ke-11 penubuhan APMM, beliau yakin APMM akan terus disegani dan dihormati di peringkat global seterusnya menjadi panduan kepada agensi penguatkuasaan lain berdasarkan kecekapan agensi tersebut dengan bantuan aset serta kerjasama APMM dengan pelbagai agensi keselamatan lain.

--BERNAMA

“Kes tangkapan yang Berjaya diselesaikan setakat 31 Januari tahun ini adalah sebanyak 8024 kes sementara kes rampasan kapal MT Orkim Harmony masih lagi dalam proses ekstradisi.”

- YBhg Laksamana Madya Maritim Dato' Che Hassan Bin Jusoh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)



APMM Meneruskan Kecemerlangan Pengurusan Modal Insan Menjelang Ulang Tahun Ke-11



Oleh Murni Nasri

PUTRAJAYA, 15 Feb (Bernama) -- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dengan penuh yakin melangkah ke tahun kesebelas penubuhannya pada tahun ini dengan pelbagai pencapaian dan kejayaan yang telah dicapai.

Perjalanan penubuhan APMM bermula pada tahun 1999 apabila satu kajian yang telah dijalankan oleh kerajaan mendapati yang penguatkuasaan maritim di Malaysia tidak berkesan seperti yang diharapkan kerana pertindihan tugas dan fungsi yang melibatkan terlalu banyak agensi.

"Sebelum tertubuhnya APMM, diwujudkan satu Tim Nuklues sepanjang 2002-2003 yang hanya mempunyai 14 perjawatan sahaja. Selepas dikeluarkan warta bagi menubuhkan APMM pada 2005 kita bermula dengan perjawatan awal yang diluluskan sebanyak 4,030," kata Samsuni Mohd Nor, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) APMM kepada Bernama dalam satu temubual baru-baru ini.

Setelah melalui beberapa fasa dalam pengurusan modal insan yang seiring dengan pertambahan di dalam tugas dan

funksinya yang dijadikan sebagai agensi tunggal dalam menguatkuasakan undang-undang di dalam zon maritim pada tahun 2010 agensi itu berkembang lagi dengan penambahan perjawatan berterusan sehingga lulusnya 5,195 perjawatan, kata beliau. Bukan itu sahaja, penambahbaikan juga dilakukan berterusan untuk skim perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi tersebut.

Usaha diteruskan untuk mengukuhkan organisasi dengan memperkuat pengurusan sumber manusia. Pada tahun 2014, APMM berjaya mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menambah perjawatannya menjadi 5,211. Selaras dengan pertambahan tugas, pemilikan aset-aset baharu dan penglibatan

di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), perjawatan dalam APMM ditambah menjadi 5,418 dan pada akhirnya, dengan pelaksanaan inisiatif agensi itu iaitu Cadangan Transformasi Perjawatan (CTP), jumlah terakhir yang diperolehi adalah 5,370 pada tahun 2015.

TINDAKBALAS TERHADAP CABARAN-CABARAN MODAL INSAN

Menurut Samsuni dengan CTP, APMM berjaya mengukuhkan perjawatan tanpa implikasi kos. CTP ini juga menurut beliau adalah bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh agensi ini yang mana ia perlu memastikan perjawatan yang sedia ada mampu menampung tugas dan tanggungjawab yang semakin bertambah.

“Apabila kita terlalu melihat ke hadapan, kita lupa asas kita. Harapan saya kita perlu menghayati asas penubuhan agensi ini dan harapan dan jangkaan kerajaan terhadap penubuhan APMM. Kita perlu mengingat semula mengapa kita diwujudkan.”

YBrs Encik Samsuni Bin Mohd Nor
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)



"Kini APMM berada di dalam fasa kedua CTP dan kami lihat masih ada lagi ruang untuk kami mengemaskini perjawatan, contohnya meningkatkan beberapa gred, pindah butiran, 'trade off' dan menambah baik beberapa perjawatan lain. Ini adalah antara kaedah-kaedah kreatif yang kami laksanakan di bawah CTP," tambah beliau.

Selain CTP, APMM juga menangani cabaran-cabaran di dalam pengurusan modal insan dengan menggunakan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Menurut Samsuni lagi, pada tahun 2015, APMM berjaya mengadakan perjanjian persefahaman dengan Petronas dan Bank Simpanan Nasional (BSN) yang bersifat menang-menang yang mana agensi maritim tunggal negara ini dapat melaksanakan fungsi-fungsinya dengan dibantu Petronas dan BSN dan pada masa yang sama masing-masing dapat melaksanakan langkah penjimatan sumber masing-masing.

Antara kerjasama yang menggunakan konsep NBOS yang berjaya adalah kolaborasi yang dimeterai bersama Telekom Malaysia (TM) yang mana pihak APMM berjaya memperolehi dua buah bot bagi memantapkan lagi rondaan dan kawalannya.

USAHA MENINGKAT KOMPETENSI WARGA KERJA

APMM juga berterusan berusaha untuk memberikan ruang kemajuan kerjaya kepada warga kerjanya untuk mempertingkatkan keupayaan dan kemajuan diri dengan menyediakan dan menawarkan kursus-kursus yang menyokong dan menyumbang kepada kompetensi mereka.

Menurut Samsuni, APMM memberikan kerjasama dalam menghantar para anggotanya menjalani kursus-kursus yang ditawarkan oleh pihak luar dan bersesuaian dengan aspirasi agensi ini untuk meningkatkan kecekapan.



Antara latihan kerjasama yang dijalankan bagi meningkatkan kompetensi adalah dengan negara Indonesia, Jepun dan Amerika Syarikat.

Selain itu, APMM boleh berbangga dengan penubuhan Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) yang telah diiktiraf sebagai Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) yang menawarkan kursus-kursus berkaitan penguatkuasaan maritim dari carilamat (mencari dan menyelamat).

Terdapat dua jenis kursus yang ditawarkan di AMSAS iaitu yang berjangka pendek dan kursus jangka panjang. "Setiap anggota secara asasnya menjalani dua peringkat kursus, iaitu sembilan bulan di AMSAS dan kemudian empat bulan di laut untuk latihan dalam kerja," kata beliau.

INTEGRITI SEPAKAT MARITIM BERDAULAT

Kedudukan APMM sebagai agensi tunggal penguatkuasaan maritim bertunjang kepada integriti setiap anggota kerjanya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat dan negara.

"Di dalam pengurusan modal insan, kami mengambil pendekatan yang dipanggil 'PIT Stop Management' yang mana teras utamanya adalah masa dan disokong oleh 'Profesionalism, Integrity and Teamwork'," kata Samsuni.

Tambah beliau lagi, integriti merangkumi segala aspek, bukan terhad kepada ada atau tidaknya penyelewengan di dalam tanggungjawab kerana ia juga termasuk ketepatan masa selain penyediaan data dan maklumat-maklumat yang boleh dipercayai oleh agensi ini.

Selain itu, APMM juga bakal bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) yang melibatkan empat strategi utama iaitu pendidikan, pencegahan, pengukuhan dan penguatkuasaan.

"Kita perlu bekerja bersama-sama, sepakat, bukan sahaja dalaman tetapi juga sepakat dengan agensi-agensi yang lain bagi mewujudkan maritim keseluruhan yang berdaulat," kata beliau.

Apabila ditanya tentang harapan beliau terhadap APMM yang sudah memasuki tahun kesebelas penubuhannya, Samsuni berkata: "Apabila kita terlalu melihat ke hadapan, kita lupa asas kita. Harapan saya kita perlu menghayati asas penubuhan agensi ini dan harapan dan jangkaan kerajaan terhadap penubuhan APMM. Kita perlu mengingati semula mengapa kita diwujudkan."

-- BERNAMA

"Sebanyak RM200 juta setahun telah diperuntukkan untuk bayaran kontrak senggaraan bot-bot dan kapal. Bagi aset udara pula sebanyak RM 52 juta setahun diperuntukkan bagi tujuan kontrak penyelenggaraan."


**- YBhg Laksamana Muda Maritim Dato' Zulkifili Bin Abu Bakar
Timbalan Ketua Pengarah (Logistik)**



16 Disember 2015 - Majlis Tandatanganan Antara TM Bersama YBhg Laksamana Maritim Dato' Haji Ahmad Puzi Bin Haji Ab Kahar



24 Disember 2015 - Majlis Sambutan Maulidur Rasul 2016



Kebakaran Hutan Di Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu



Jalinan Kerjasama Antara APMM Dan Akademi ALAM Melaka



Kunjungan Hormat Dari Delegasi Japan Coast Guard (JCG) Ke Atas Ketua Pengarah APMM



Kunjungan Hormat Oleh Royal Thai Navy Ke Atas Ketua Pengarah APMM



Lawatan Dan Kunjungan Hormat Delegasi Luar Negara Ke Atas Ketua Pengarah APMM



Misi Memadam Kebakaran Di Palembang, Indonesia



Misi Penghantaran Makanan Dan Minuman Kepada Mangsa Banjir Di Kelantan

Sambutan Hari Ulang Tahun MARITIM MALAYSIA Ke 11

KUANTAN, 15 Feb -- Menteri Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan Utama (KKU) pada majlis sambutan Hari Ulang Tahun Maritim Malaysia Ke 11 di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Kuantan, Isnin.



KUANTAN, 15 Feb -- Menteri Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim (dua kanan) memakaikan beret kehormat Pasukan Tindakan Khas Maritim Malaysia (PTK) kepada Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Datuk Ahmad Puzi Ab Kahar (kanan) pada majlis sambutan Hari Ulang Tahun Maritim Malaysia Ke 11 di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Kuantan, Isnin.

KUANTAN, 15 Feb -- Menteri Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim (dua kiri) memakaikan Pingat Kedaulatan Negara kepada 236 pegawai dan anggota penguatkuasa Maritim Malaysia dari semenanjung yang telah berkhidmat di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom) pada majlis sambutan Hari Ulang Tahun Maritim Malaysia Ke 11 di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), di Kuantan, Isnin. Hadir sama Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Datuk Ahmad Puzi Ab Kahar (dua kiri).



KUANTAN, 15 Feb -- Menteri Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim (tengah) menyaksikan penyerahan dokumen kenyataan Komitmen Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Puzi Ab Kahar (kiri) kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Datuk Seri Mustafar Ali pada majlis sambutan Hari Ulang Tahun Maritim Malaysia Ke 11 di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Kuantan, Isnin.

KUANTAN, 15 Feb -- Lintas hormat lima helikopter dan dua pesawat Bombardier CL 415 memeriahkan majlis sambutan Hari Ulang Tahun Maritim Malaysia Ke-11 yang dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) hari ini.

